

Ruj. Kami: UPM/KMR/600-1/13
Tarikh: 5 Jun 2017

Mahasiswa/Mahasiswa
Kolej Mohamad Rashid
Universiti Putra Malaysia

Saudara/saudari,

CUTI AKHIR SEMESTER SESI 2016/2017

Adalah dimaklumkan bahawa Cuti Akhir Semester Sesi 2016/2017 akan bermula dari **19 Jun 2017** hingga **10 September 2017**. Sehubungan itu semua pelajar Kolej Mohamad Rashid dikehendaki mengambil perhatian dan tindakan seperti berikut:

1. MENGOSONGKAN BILIK

Bilik hendaklah dikosongkan dalam keadaan bersih. Pelajar-pelajar hendaklah memastikan almari dikosongkan, poster telah ditanggalkan, perabot hendaklah disusun seperti susunan asal dan segala suis elektrik, lampu dan kipas ditutup.

2. PEMULANGAN KUNCI BILIK

Pelajar yang ingin pulang lebih awal, pemulangan kunci boleh dilakukan pada waktu pejabat di Pejabat Am Kolej. Pemulangan kunci kepada Felo selepas waktu pejabat adalah tidak dibenarkan. Pemulangan kunci melalui kawan juga adalah tidak dibenarkan. Pelajar diminta menandatangani Borang Maklumat Peribadi semasa pemulangan kunci. Pemulangan kunci adalah pada:

Tarikh : 17 dan 18 Jun 2017 (Sabtu dan Ahad)
Masa : 8.00 pagi – 4.30 petang
Tempat : Pejabat Am, Kolej Mohamad Rashid

3. PENGINAPAN SEMASA CUTI

Bagi pelajar yang ingin menginap semasa cuti semester, hendaklah membuat permohonan penginapan terus kepada UPM Holdings. Pelajar yang didapati menginap tanpa izin atau menumpangkan pelajar lain akan dikenakan denda dan bayaran harian seperti yang telah ditetapkan oleh UPM Holdings.

4. PERALATAN KOLEJ

Semua peralatan kolej yang dipinjam terutama alatan sukan, kebudayaan dan alatan lain hendaklah dipulangkan sebelum atau pada **16 Jun 2017**.

5. TEMPAT MENYIMPAN BARANG

Semua barang-barang yang berharga dan penting hendaklah dibawa pulang. Pihak kolej tidak akan bertanggungjawab ke atas kehilangan/kerosakan barang-barang yang disimpan.

6. TEMPAT MENYIMPAN BARANG

i) Pelajar-pelajar di galakkan membawa pulang semua barangan terutama barang-barang berharga dan penting. Namun begitu, pihak kolej ada menyediakan bilik khas untuk simpanan barang. Bilik khas tersebut adalah seperti butiran berikut:

BLOK P1 - 318, 330, 415, 419
BLOK P2 - 316, 322, 413, 421, 501,520

- ii. Sila pastikan barang-barang yang hendak disimpan dimasukkan ke dalam kotak, diikat kemas dan dilabelkan. Bilik tempat menyimpan barang-barang tidak akan dibuka sepanjang cuti bagi mengelakkan sebarang kerosakan dan kehilangan barang.
- iii. Pihak kolej tidak akan bertanggungjawab ke atas kehilangan/kerosakan barang-barang yang disimpan.

7. **KENDERAAN**

Semua jenis kenderaan tidak dibenarkan berada di dalam kawasan bangunan blok. Kenderaan hendaklah diparkir ditempat yang telah disediakan. Pihak kolej tidak bertanggungjawab terhadap keselamatan kenderaan tersebut.

8. **BORANG**

Pelajar-pelajar yang ingin memohon pertukaran kolej perlu mengisi Borang Pertukaran Kolej (**OPR/KOLEJ/BR02/PEN003**) manakala pelajar yang ingin memohon tinggal diluar kolej dikehendaki mengisi Borang Tinggal Luar Kampus (**OPR/KOLEJ/BR04/PEN003**). Sila pastikan borang berkenaan dihantar ke Pejabat Am Kolej sebelum atau pada **16 Jun 2017**.

9. **DENDA**

Pihak pengurusan kolej berhak mengenakan amaran dan kadar denda mengikut Buku Panduan Hal Ehwal Pelajar Universiti, Universiti Putra Malaysia yang terkini kepada yang tidak mematuhi peraturan.

10. **PENDAFTARAN KOLEJ BAGI SESI 2017/2018**

Pelajar tidak dibenarkan pulang awal. Pelajar hanya boleh mendaftar dan mengambil kunci pada tarikh seperti berikut:

Tarikh	:	9 & 10 September 2017 (Sabtu & Ahad)
Masa	:	8.30 pagi hingga 5.00 petang
Tempat	:	Pejabat Am, Kolej Mohamad Rashid

Akhir kata, saya dan semua warga pengurusan Kolej Mohamad Rashid ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan **"SELAMAT MENGHADAPI PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER SERTA BEROLEH KEJAYAAN YANG CEMERLANG DAN SELAMAT BERECUTI"**

Sekian, terima kasih.

"BERILMU BERBAKTI"

Yang Menjalankan Tugas,



(PROF. MADYA DR. KHAIRULMAZMI AHMAD)

Pengetua

- s.k:
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (HEP & Alumni) UPM
 - Pengetua Kedua, KTDI, KC, K5, K6, KOSASS, KTP, KPZ, K10, K11, K12, K13, K14, K15, K16 dan K17
 - Felo-felo Kolej Mohamad Rashid
 - Presiden Majlis Tertinggi Mahasiswa, KMR
 - UPM Holdings